



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH
DARUL QURAN JAKIM

BERKENAAN

MAJLIS SAMBUTAN PELAJAR BARU
PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAT DARUL QURAN JAKIM
SESI 2018/2021

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR,
DARUL QURAN JAKIM
PADA 30 APRIL 2018

Sukacita dimaklumkan bahawa Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengadakan Majlis Sambutan Pelajar Baru Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim bagi Sesi Pengajian 2018/2021.

2. Pada tahun ini, Darul Quran telah menerima **3,525** permohonan dari seluruh Malaysia termasuk calon-calon dari luar negara seperti Thailand, Filipina, Kemboja, Indonesia dan Brunei. Daripada jumlah tersebut, **1,733** calon yang layak untuk ditemuduga. Manakala **1,206** calon telah menghadiri sesi temuduga yang diadakan di **enam pusat temuduga** iaitu di:

- i. Darul Quran Kuala Kubu Bharu;
- ii. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS);
- iii. Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) Kota Kinabalu;
- iv. Madrasah Miftahul Bidayah Berseri Perlis;
- v. Pejabat Mufti Kemboja; dan
- vi. Manila, Filipina.

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan

3. Sesi temuduga ini telah dijalankan seperti jadual berikut:
 - i. Calon dari Indonesia: 26 Februari 2018, 12 April 2018 dan 19 April 2018.
 - ii. Calon dari Filipina: 5 Mac 2018.
 - iii. Calon dari Thailand: 13 Mac 2018.
 - iv. Calon warganegara Malaysia dari Sabah: 9 April 2018.
 - v. Calon warganegara Malaysia dari Sarawak: 9 April 2018.
 - vi. Calon dari Brunei: 9 April 2018.
 - vii. Calon dari Kemboja: 12 April 2018.
 - viii. Calon warganegara Malaysia dari Semenanjung: 9-16 April 2018.

4. Syarat kelayakan untuk permohonan kemasukan ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim ialah:
 - i. Beragama Islam
 - ii. Warganegara Malaysia
 - iii. Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
 - iv. Belum berkahwin
 - v. Lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat minimum gred:
 - a. Bahasa Melayu = C
 - b. Bahasa Inggeris = E
 - c. Bahasa Arab = C
 - d. Pendidikan Syariah Islamiyah/Pendidikan Al-Quran & Sunnah = C
 - vi. Lulus temuduga

Pengarah boleh memberi pengecualian kepada perkara ii dan iii.

5. Sesi temuduga pengambilan pelajar meliputi perkara-perkara berikut:
 - i. Ujian lisan hafazan al-Quran;
 - ii. Ujian bertulis Tajwid;
 - iii. Ujian bertulis Bahasa Arab; dan
 - iv. Penilaian sahsiah.

6. Terdapat enam Syukbah atau bidang pengajian yang ditawarkan kepada pelajar iaitu:
 - i. Syukbah Qiraat;
 - ii. Syukbah Dakwah;
 - iii. Syukbah Syariah;
 - iv. Syukbah Hadith;
 - v. Syukbah Muamalat;
 - vi. Syukbah Pengurusan Halal.

7. Dalam menjalankan Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran Jakim ini, Darul Quran telah berkolaborasi dengan 10 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) di seluruh Malaysia seperti senarai berikut:
 - i. Maahad Tahfiz Al Quran Negeri Pahang;
 - ii. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MAIK), Kelantan;
 - iii. Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Negeri Perak;
 - iv. Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR), Kedah;
 - v. Institut Tahfiz Al Quran Negeri Sembilan (ITQAN) Negeri Sembilan;
 - vi. Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS);
 - vii. Institut Pengajian Islam (INSPI), Terengganu;
 - viii. Institut Al-Quran Sayyidina Ali (IQSA) Melaka;
 - ix. Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS); dan
 - x. Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN-4, Perak.

8. Pelajar-pelajar Darul Quran akan terikat dengan Peraturan-Peraturan Akademik Darul Quran 2011 (Pindaan 2014) dan Peraturan-Peraturan Tatatertib yang telah dipraktikkan oleh Ahli Lembaga Darul Quran Jakim.

9. Darul Quran turut merakamkan ucapan terima kasih kepada **Penerbitan Dar Hakamah** dan **Koperasi Perodua Sdn. Bhd.** kerana telah berbesar hati untuk menyumbangkan **Mushaf al-Quran Waqaf Qiraat Asyara (Qiraat Sepuluh)** kepada Darul Quran.

Sekian.

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD
30 April 2018

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan
Darul Quran Jakim
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan